

Q-PAIN NEX MENTHOLATED RUB

Menthol (2.60% w/w), Camphor (4.00% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Q-Pain Nex Mentholated Rub
2. Bagaimana Q-Pain Nex Mentholated Rub berfungsi
3. Sebelum menggunakan Q-Pain Nex Mentholated Rub
4. Cara menggunakan Q-Pain Nex Mentholated Rub
5. Semasa menggunakan Q-Pain Nex Mentholated Rub
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Q-Pain Nex Mentholated Rub
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Q-Pain Nex Mentholated Rub

Untuk melegakan sakit-sakit otot

Bagaimana Q-Pain Nex Mentholated Rub berfungsi

Disapu pada kulit sebagai ubat luaran, kesan sejuk dirasai pada mulanya, diikuti dengan keredaan rasa sakit

Sebelum menggunakan Q-Pain Nex Mentholated Rub

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda hipersensitif atau alah kepada bahan-bahan yang terkandung dalam produk

- Sebelum menggunakannya

Jika anda berkulit sensitif, cuba pada permukaan kulit yang kecil terlebih dahulu.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan jika tidak pasti

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Q-Pain Nex Mentholated Rub

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan secukupnya pada bahagian yang sakit

- Bila perlu digunakan

Gunakan apabila memerlukan

- Berapa lama perlu digunakan

Disarankan menggunakan ubat ini 3-4 kali sehari atau atas arahan doktor/ahli farmasi

- Jika anda terlupa menggunakan

Sila rujuk dengan doktor tentang apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami gejala ketidakselesaan atau sakit-sakit otot

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin berasa tidak selesa seperti pening kepala, mual atau muntah. Hentikan penggunaan ubat ini serta-merta dan rujuk kepada doctor atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital berdekatan.

Semasa menggunakan Q-Pain Nex Mentholated Rub

- Perkara yang perlu dilakukan

Perlahan-lahan sapukan pada bahagian yang sakit sehingga diserap sepenuhnya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan tersentuh mata.
- Jangan menggunakan pada luka kulit atau luka terbuka.
- Jangan sapu pada bahagian lubang hidung.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak berusia dibawah 2 tahun.
- Jauhkan daripada membran mukus dan luka terbuka.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika sakit berlarutan, dapatkan nasihat doctor atau ahli farmasi.
- Produk ini tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak dibawah umur 2 tahun.
- Adalah memudaratkan sekiranya camphor disapu pada bahagian nostril (lubang hidung) kanak-kanak. Ia akan menyebabkan kanak-kanak pengsan walaupun dengan dos sedikit.
- Berhati-hati penggunaan untuk kanak-kanak yang lebih tua.

Kesan-kesan sampingan

Mungkin menyebabkan tindakbalas alahan/sensitiviti termasuk kontak dermatitis (kulit menjadi gatal, radang dan kemerah-merahan) pada pesakit yang berkulit sensitif

BOLEH MENYEBABKAN
SAWAN

TIDAK BOLEH DIGUNAKAN
OLEH KANAK-KANAK
DIBAWAH UMUR 2 TAHUN

BERHATI-HATI
PENGGUNAAN UNTUK
KANAK-KANAK YANG LEBIH
TUA

JANGAN SAPU PADA
BAHAGIAN NOSTRIL HIDUNG

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Q-Pain Nex Mentholated Rub

- Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih pucat dengan ciri bau bunga cengkih

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Menthol – 2.60% w/w
- Camphor – 4.00 % w/w

- Bahan tidak aktif

- *Paraffin wax, petrolatum (White Soft paraffin), Liquid Paraffin, Eucalyptus oil, Nutmeg oil, Clove oil*

- Nombor MAL

MALXXXXXXXXXX

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Q-PACK (M) SDN BHD
(199201022779)

No.2, Jalan Perunding U1/17,
Hicom-Glenmarie Industrial Park,
Seksyen U1 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

09/01/2026

Nombor Siri

NPRA(R2)25/208